



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### PERPUSTAKAAN 1 WILAYAH PERSEKUTUAN MEDAN IDAMAN, INISIATIF CSR UNTUK RAKYAT WP

**KUALA LUMPUR, 13 Januari 2018** – Perpustakaan 1 Wilayah Persekutuan Medan Idaman hari ini dibuka kepada orang ramai kursusnya kepada komuniti di Wangsa Maju yang merupakan inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR). Dengan berkonsepkan mesra keluarga, perpustakaan ini bakal memberi manfaat kepada komuniti untuk melaksanakan pelbagai aktiviti selain menjadi pusat rujukan bagi mendapatkan bahan-bahan bacaan. Inisiatif CSR sebanyak RM5 juta ini dibiayai sepenuhnya oleh pihak Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB).

Sebanyak 13,231 bahan bacaan pelbagai bahasa disediakan selain suratkhabar, majalah serta 2,300 e-books. Kesemua bahan bacaan ini adalah sesuai untuk semua peringkat umur samada dewasa mahupun kanak-kanak. Antara kemudahan yang disediakan di dalam perpustakaan ini adalah bilik komputer, bilik serbaguna, ruang interaksi kreatif untuk kanak-kanak, ruang bacaan yang luas dan selesa dilengkapi WIFI, surau, tandas dan banyak lagi.

Pihak pengurusan perpustakaan juga turut memperkenalkan program *Friends of KL Libraries* yang merupakan usahasama di antara pihak perpustakaan dengan orang awam. Program tersebut bertujuan sebagai *platform* kepada orang awam yang ingin memvibrantkan suasana di dalam perpustakaan tersebut melalui aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan sebagainya.

Harapan YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan agar perpustakaan 1 Wilayah Persekutuan ini dapat dimanfaatkan dengan sepenuhnya oleh warga Wilayah Persekutuan dalam menimba ilmu selain dapat mengisi masa lapang serta dapat melahirkan masyarakat yang cintakan ilmu dan berintelektual.

Sebelum ini kerajaan telah merealisasikan perpustakaan 1 Wilayah yang telah dibuka di Lembah Pantai pada tahun 2015 dan usaha tersebut akan diteruskan lagi apabila satu perancangan bagi membina sebuah lagi perpustakaan akan dibangunkan di Kampung Pandan kelak.

**Disediakan oleh**  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Wilayah Persekutuan**  
**13 Januari 2018**